



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2023

Permintaan buruh Malaysia terus menunjukkan trend peningkatan pada suku tahun pertama 2023 dengan jumlah jawatan merekodkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus

PUTRAJAYA, 11 Mei 2023 – Permintaan buruh Malaysia terus menunjukkan trend peningkatan pada suku tahun pertama 2023 dengan jumlah jawatan merekodkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus, melepasi paras pra-pandemik, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU TAHUN PERTAMA 2023** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Permintaan buruh Malaysia dilihat semakin pulih pada suku tahun pertama 2023 dengan peningkatan jawatan sebanyak 233.7 ribu dalam sektor ekonomi, merekodkan 8.81 juta jawatan (ST1 2022: 8.57 juta). Trend positif ini menunjukkan pemulihan ekonomi negara yang semakin baik, disokong oleh pelbagai inisiatif Kerajaan seperti program penempatan pekerjaan, subsidi gaji dan insentif cukai. Untuk rekod, bilangan jawatan pada suku tahun ini adalah yang tertinggi sepanjang siri masa sejak 2018.

Trend yang sama juga dapat dilihat bagi jumlah jawatan diisi yang meningkat sebanyak 2.7 peratus, mencatatkan 8.61 juta jawatan pada ST1 2023 (ST1 2022: 8.39 juta). Peningkatan ini antara lainnya disokong oleh inisiatif Kerajaan dalam pelonggaran peraturan pengambilan pekerja asing melalui Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing dan Rekaliberasi Tenaga Kerja 2.0. Selain itu, bilangan kekosongan jawatan meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada 192.6 ribu kekosongan pada suku tahun ini. Bagi kadar jawatan diisi dan kekosongan jawatan, masing-masing kekal pada 97.8 peratus dan 2.2 peratus."

Mengulas lanjut mengenai kedudukan jawatan diisi pada suku tahun pertama 2023, Ketua Perangkawan berkata, "Analisis pertumbuhan tahun ke tahun mengikut sektor ekonomi, semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif pada suku tahun ini. Sektor

Pembuatan kekal mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada kadar 3.8 peratus (2.32 juta), diikuti oleh Perlombongan & Pengkuarian (3.4%) dan Pertanian (2.9%). Dari segi komposisi, sebanyak 4.53 juta jawatan diisi (52.6%) tertumpu di sektor Perkhidmatan, diikuti oleh Pembuatan (27.0%; 2.32 juta) dan Pembinaan (14.3%; 1.23 juta). Bagi perincian mengikut kategori kemahiran, sebahagian besar jawatan diisi adalah dalam kategori separuh mahir, mencatatkan 5.39 juta jawatan atau bersamaan 62.6 peratus, diikuti oleh kategori mahir dengan 2.15 juta jawatan (24.9%) dan berkemahiran rendah sebanyak 1.08 juta jawatan (12.5%)."

Seterusnya, mengulas mengenai kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kekosongan jawatan telah meningkat kepada 192.6 ribu jawatan pada suku tahun ini, sebahagian besarnya adalah di sektor Pembuatan yang menyumbang sebanyak 107.7 ribu kekosongan jawatan (55.9%), terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (33.2 ribu), diikuti oleh Produk Petroleum, kimia, getah & plastik (20.4 ribu). Dengan 31.8 ribu kekosongan jawatan (16.5%), sektor Pertanian menduduki tempat kedua dan diikuti oleh Perkhidmatan dengan 29.4 ribu kekosongan jawatan (15.3%), kebanyakannya dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (11.4 ribu). Terdapat 106.2 ribu kekosongan jawatan dalam kategori separuh mahir yang merangkumi 55.1 peratus daripada jumlah kekosongan jawatan. Sementara itu, kategori mahir merangkumi 25.6 peratus kekosongan jawatan (49.3 ribu) diikuti berkemahiran rendah (19.3%; 37.1 ribu)."

"Sehubungan dengan ekonomi Malaysia yang semakin pulih, lebih banyak pewujudan jawatan telah direkodkan pada suku tahun ini, yang merangkumi 31.7 ribu jawatan yang diwujudkan bagi memenuhi keperluan industri. Melihat kepada pecahan mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir menyumbang 63.8 peratus pewujudan jawatan (20.2 ribu), diikuti oleh mahir (27.2%; 8.6 ribu) dan berkemahiran rendah (9.0%; 2.9 ribu). Dari segi aktiviti ekonomi pula, sektor Perkhidmatan menyumbang sebahagian besar pewujudan jawatan dengan sumbangan sebanyak 50.8 peratus (16.1 ribu) terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong & runcit dengan 8.7 ribu (27.3%). Sementara itu, sektor Pembuatan mewujudkan 10.5 ribu jawatan baharu, dengan sumbangan sebanyak 33.2 peratus kebanyakannya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (11.0%; 3.5 ribu)", tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengakhiri kenyataannya mengenai penerbitan hari ini dengan berkata, "Walaupun momentum pertumbuhan ekonomi dijangka perlahan pada tahun ini susulan risiko kemelesetan global, aktiviti perniagaan di Malaysia dijangka akan terus berkembang, seterusnya menyumbang kepada lebih banyak peluang pekerjaan. Kedudukan pasaran buruh juga dijangka akan kekal stabil dan berkembang pada bulan-bulan akan datang disokong oleh perkembangan semasa aktiviti ekonomi di Malaysia."

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai **jam 1200, Khamis, 11 Mei 2023**

Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST1 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 MEI 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA FIRST QUARTER OF 2023

Malaysia's labour demand continued an upward trend in the first quarter of 2023 with total jobs recorded an increase of 2.7 per cent

PUTRAJAYA, 11 May 2023 – Malaysia's labour demand continued an upward trend in the first quarter of 2023 with total jobs recorded an increase of 2.7 per cent, surpassed the number during the pre-pandemic period, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics are published in the report of **EMPLOYMENT STATISTICS, FIRST QUARTER 2023** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing of jobs, filled jobs, vacancies and jobs created indicators by skill categories and economic activities.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Malaysia's labour demand continued to be improving during the first quarter of 2023 with the increase of 233.7 thousand jobs in the economic sector to record 8.81 million jobs (Q1 2022: 8.57 million). This positive trend was an indication of the country's gradual economic recovery, bolstered by various government's initiatives such as job placement programmes, wage subsidies and tax incentives. For the record, the number of jobs in this quarter was the highest throughout the time series since 2018.

Similar trend was also observed for the number of filled jobs, which edged up by 2.7 per cent recording 8.61 million jobs in Q1 2023 (Q1 2022: 8.39 million). This was likely underpinned by the Government's initiative on easing the foreign workers hiring rules through Foreign Worker Recruitment Relaxation Plan and Illegal Immigrant Recalibration Plan 2.0. Alongside, the number of job vacancies increased by 4.5 per cent to 192.6 thousand vacancies during this quarter. As for the rate of filled jobs and job vacancies, both rates stood at 97.8 per cent and 2.2 per cent respectively."

Elaborating further on the filled job situation during the first quarter of 2023, the Chief Statistician said, "All economic sectors recorded a positive growth during this quarter. Manufacturing sector remained to record the highest growth at 3.8 per cent, followed by Mining & Quarrying (3.4%) and Agriculture (2.9%). In terms of composition, a total

of 4.53 million filled jobs (52.6%) were concentrated in the Services sector, followed by Manufacturing (27.0%; 2.32 million) and Construction (14.3%; 1.23 million). From the viewpoint of skill category, filled jobs was largely in the semi-skilled category recording 5.39 million jobs or equivalent to 62.6 per cent, followed by skilled category with 2.15 million jobs (24.9%) and low-skilled by 1.08 million jobs (12.5%).”

Additionally, commenting on jobs vacancies by economic activity, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin noted that, "Job vacancies had increased to 192.6 thousand jobs during this quarter, largely in the Manufacturing sector which accounted for 107.7 thousand job vacancies (55.9%), primarily in the sub-sector of Electrical, electronic, and optical products (33.2 thousand), followed by Petroleum, chemical, rubber, and plastic products (20.4 thousand). With 31.8 thousand job vacancies (16.5%), Agriculture sector came in second and followed by Services with 29.4 thousand job vacancies (15.3%), mostly in the Finance, insurance, real estate, and business services sectors (11.4 thousand). There were 106.2 thousand job vacancies in the semi-skilled category which encompassed 55.1 per cent of all job vacancies. Meanwhile, the skilled category comprised of 25.6 per cent of job vacancies (49.3 thousand) followed by the low-skilled category (19.3%; 37.1 thousand).”

"More jobs creation was recorded during this quarter which encompassed 31.7 thousand jobs to meet the needs of the industry subsequent to the Malaysia's economic recovery. Looking at the disaggregation by skill category, the semi-skilled category accounted for 63.8 per cent of jobs created (20.2 thousand), followed by skilled (27.2%; 8.6 thousand) and low-skilled (9.0%; 2.9 thousand). Across the economic activity, majority of the jobs created were in the Services sector with a share of 50.8 per cent (16.1 thousand) mainly in Wholesale & retail trade sub-sector with 8.7 thousand (27.3%). In the meantime, the Manufacturing sector created 10.5 thousand new jobs, with a share of 33.2 per cent mostly in the sub-sector of Electrical, electronic, and optical products (11.0%; 3.5 thousand)", he added.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded his statement on today's release by saying, "Despite the expectation that the economic growth momentum would lose steam this year amid global recessionary risks, business activities in Malaysia has continued to grow, contributing to more job opportunities, hence strengthening the Malaysia's labour market. Labour market position is also anticipated to remain stable and expanding in the upcoming months led by the current development of economic activity in Malaysia.”

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.




The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Exhibit 1: Employment Statistics, Q1 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 MAY 2023